

Tarikan Dapur Moden Kontemporari

PEMILIHAN RONA PUTIH SALJU MEMBOLEHKAN RUANG DAPUR TAMPIL LEBIH HEBAT DAN LUAS SERTA MEMBERIKAN MOOD KEPADA PEMILIK MAHUPUN SESIAPA YANG DATANG KE RUANGAN TERSEBUT. INI YANG INGIN DITAMPILKAN OLEH PEREKA DARI INTECH KITCHEN SDN BHD DALAM REKAAN DAPUR TERBARUNYA.

PENULIS | PUTRI ADILA MIRZA SAARI **FOTO |** ASRIL ASWANDI MOHD SHUKOR

Dilatari rona putih memberikan kecerahan kepada dapur juga menyuntik elemen ketenangan kepada pemiliknya. Pemilihan material, rekaan bentuk serta aksesori serba canggih melengkapi dapur menjadikan ia kelihatan eksklusif dan mewah. Dapur ini telah melalui proses renovasi oleh pemiliknya memandangkan ruang dapur sebelum ini saiznya kompak dengan ukuran 14 kaki x 10 kaki. Bagi membentuk ruang dapur yang luas, beberapa ruang seperti bilik tambahan, bilik air dan balkoni terpaksa dirobohkan bagi merealisasikan ruang dapur yang luas dan lebih sistematik. Memenuhi keperluan sebuah kediaman serta menepati gaya hidup pemilik, Intech Kitchen hadir dengan rekaan dapur yang memenuhi cita rasa serta bergaya moden.

PADANAN MATERIAL HEBAT BENTUK DAPUR IDAMAN

Keistimewaan dapur ini terletak pada material kabinet serta reka bentuknya yang eksklusif dan praktikal. Dapur ini menggunakan material 4G yang menonjolkan kilauan tersendiri. Pemilihan kaunter *top granite black galaxy* dilihat bertepatan kerana ia sememangnya bersesuaian dengan konsep moden yang diketengahkan. Rekaan dapur ini dicipta padat bagi memenuhi keperluan penstoran peti sejuk serta ketuhar gelombang mikro. Nyata ilham yang dicetuskan ini berjaya menghidupkan suasana moden di ruang dapur. Ia sengaja disuntik dengan elemen mewah bagi memberi kesegaran pada sesebuah kediaman. Oleh itu, rekaan dapur ini juga digandingkan dengan dapur tungku bersama hud yang elegan. Ini sekali gus menambahkan gaya pada dapur ini.

Sebagai melengkapkan gaya pada ruang dapur ini, *backsplash* daripada kemasin jubin dipilih bagi mengimbangi rekaan moden berciri mewah ini. Kemasin ini dipilih kerana cirinya yang mudah dibersihkan dan bebas daripada pertumbuhan bakteria. Selain ruang dapur yang begitu indah, kaunter pulau yang berada di tengah-tengah dapur pasti menjadi idaman pemilik untuk mewujudkannya. Rekaannya yang berbentuk segi empat tepat membentuk gaya yang mempesonakan selain praktikal digunakan.

Material *granite black galaxy* menjadi pilihan bagi kaunter *top* di mana ia mampu memberi kilauan dan melicinkan ruang bersantai ini. Manakala pada binaan kaunter pulau digandingkan bersama material 4G. Menikmati pelbagai juadah di kaunter berpulau ini pastinya memberikan suatu perasaan yang begitu mendamaikan.






Reka bentuk kabinet L memberi keselesaan kepada pemilik untuk melakukan aktiviti di dapur. Kabinet yang luas memberi penstoran yang maksimum.



Bagi memenuhi keperluan gaya hidup moden, *dishwasher intergrated* ditempatkan pada binaan kabinet.



Granit *black galaxy* rona hitam berdiri lasak dipilih untuk keperluan penyediaan makanan.



RUANG PENSTORAN DIBINA SECARA MAKSIMUM

Dalam mereka bentuk dapur pemilik, keperluan penstoran amat diutamakan sebagaimana kehendak pemilik. Ruang penstoran sengaja dihadirkan dalam ruang yang besar bagi memuatkan segala alatan kelengkapan dapur. Laci dapur ini mampu memuatkan barang seberat 15 kilogram. Ia juga dilengkapi dengan sistem aksesori seperti *soft close* yang berfungsi senyap. Selain itu dapur ini turut dilengkapi aksesori yang efisien antaranya *tall larder*, *push up button*, *bottle basket* dan *pull out basket*. Istimewanya juga ruang membasuh pakaian dibina bersekali di ruang dapur kerana menurut pemilik mudah baginya melakukan kerja membasuh di ruang yang sama serta praktikal. Secara keseluruhannya reka bentuk dapur ini memberikan kesempurnaan kepada pemilik dalam melakukan aktiviti rutin di ruang dapur.



ATAS *Tall larder* berfungsi hebat untuk menempatkan stok makanan kering.
KANAN Tergambar kegembiraan di wajah pemilik setelah memiliki dapur idaman.



Laci Blam yang luas menempatkan himpunan pinggan mangkuk.





Intech kitchen sentiasa mementingkan kualiti reka bentuk kabinet kepada pelanggan.

Pintu hidraulik mudah untuk campaian barang.



KIRI Ruang membasuh diwujudkan bersekali dengan ruang dapur untuk kemudahan pemilik.

DAPUR PROJEK

PEMILIK: Kiyamars Golsorkhi & Rokhsana Tahaei
LOKASI PROJEK : Mantin
JENIS KEDIAMAN : Banglo
KONSEP DAPUR : Moden kontemporari
PEREKA: Jasper Kam
 Latitude 2960432,101824605
PROJEK: Intech Kitchen Sdn Bhd
 No 47A Jalan Mega 1A,
 Taman Industri Mega,
 Bandar Teknologi Kajang,
 43500 Semenyih Selangor
TEL: 03-87243528 /
 Jessica 012-6670706
EMEL:
 enquiry@intechkitchen.com
WEBSITE:
 www.intechkitchen.com
FACEBOOK LOG IN: <https://www.facebook.com/pages/Intech-Kitchen-Sdn-Bhd/182624678538911>
MATERIAL PINTU KABINET: 4G
BENTUK: L
UKURAN DAPUR:
 24 kaki x 15 kaki
UKURAN KAUNTER PULAU:
 8 kaki x 3 kaki x 3 (tinggi)
MATERIAL KAUNTER TOP:
Granite Black Galaxy
MATERIAL KAUNTER PULAU:
Granite Black Galaxy
KOS:
 RM 47,000 (termasuk aksesori)